

## UniSZA sasar terima RM1.5 juta wang zakat

**KUALA NERUS** – Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) menyasar untuk menerima sumbangan zakat berjumlah RM1.5 juta daripada pelbagai pihak termasuk syarikat korporat pada tahun ini.

Naib Canselor UniSZA, Prof. Datuk Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif berkata, kesemua sumbangan zakat terbabit akan disalurkan dalam bentuk bantuan kepada pelajar universiti tersebut yang layak.

Beliau berkata, berdasarkan saringan yang dilakukan, seramai 750 pelajar UniSZA layak untuk menerima bantuan zakat dalam kategori asnaf fisabilillah pada sesi akademik 2017/2018.

“Mereka layak menerima agihan wang zakat yang bakal diterima terbabit seperti bantuan yuran, biasiswa wakaf dan sara hidup bulanan.

“Sebelum ini, UniSZA telah menerima sumbangan zakat kira-kira RM1 juta pada tahun lalu dan ia telah diagihkan untuk manfaat 812 pelajar,” katanya selepas merasmikan majlis penghargaan penyumbang zakat UniSZA 2017 di sini semalam.

Turut hadir Ketua Eksekutif Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Wan Ismail Suhaimi Wan Omar.

Ahmad Zubaidi berkata, lapan penyumbang zakat UniSZA yang diraikan tersebut ialah MAIDAM, Bank Simpanan Nasional, Bank Islam Malaysia Bhd., Malaysia Building Society Bhd., Maybank Islamic Bhd., Payment Networks Malaysia Sdn. Bhd., Alliance Islamic Bank Malaysia, Hexatrend Sdn. Bhd. dan Fajar Baru Boutique Hotel.